

09 OCT 1997

Mahathir-pelaburan

MALAYSIA MENGALU-ALUKAN PELABURAN ASING - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan terus mengalu-alukan pelaburan asing.

Beliau berkata pelabur dari Britain dan Eropah akan mendapati di negara ini sebuah kerajaan yang akrab dengan sektor perniagaan, sebuah ekonomi pasaran, sektor swasta yang proaktif dan optimisme yang melimpah.

"Walaupun dilanda kemelut dalam pasaran kewangan, Malaysia tetap menjadi destinasi pelaburan yang menarik," katanya dalam perutusan sempena Perkongsian Malaysia-Britain, Dialog London yang akan diadakan di London.

Dialog yang akan diadakan pada 21 Okt dengan tema "Perkongsian Dinamik Malaysia dan Britain Bagi Abad Ke-21" akan dihadiri kira-kira 300 pemimpin korporat dari kedua-dua negara.

Ia dianjurkan oleh Institut Kepimpinan dan Strategi Asia dengan kerjasama Persatuan Britain Malaysia, Asia House dan Pusat Kajian Komanwel Malaysia, Universiti Cambridge.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang berani untuk mengatasi krisis mata wang dan pasaran saham yang menghakis nilai ringgit sebanyak 30 peratus dalam masa tiga bulan lepas.

"Sebagai sebuah kerajaan yang pragmatik, kami telah mengadakan langkah-langkah untuk mengurangkan perbelanjaan, menanggungkan projek-projek besar, mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti supaya kami dapat meneruskan pembangunan ekonomi kami," katanya.

Beliau berkata bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, Malaysia mencapai pertumbuhan 8.7 peratus.

"Walaupun pertumbuhan kami mungkin perlahan sedikit pada tahun depan, saya yakin kami masih mencapai pertumbuhan sederhana tinggi dengan kadar inflasi yang rendah," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysia akan meneruskan laksana program penswastaan, melonggar dan meliberalisasi peraturan perdagangan dan yang lebih penting lagi responsif kepada pandangan masyarakat perniagaan termasuk pelabur asing yang tulen.

Mengenai dialog itu, Perdana Menteri berkata ia tepat pada masanya perbincangan secara terbuka dan ikhlas diadakan bukan sahaja mengenai isu-isu dua hala tetapi bagi membolehkan ahli perniagaan, pengurus dana dan pelabur institusi Britain mendapat maklumat langsung mengenai keadaan ekonomi Malaysia masa kini.-- BERNAMA

MT oba